

PROMOSI “SPEND & SAVE FOR CASH” KAD DEBIT HONG LEONG

Dikemaskini pada 1^{hb} September 2017

TEMPOH PROMOSI

“Promosi “Spend & Save for Cash” Kad Debit Hong Leong (”Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (”HLB”) bermula pada 1^{hb} September 2017 dan berakhir pada 30^{hb} September 2017, termasuk kedua-dua tarikh (”Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT (“T&S”)

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka untuk penyertaan oleh “Pelanggan Layak” seperti berikut:-

- (i) pelanggan Individu (tidak termasuk pelanggan Perbankan Prioriti dan Perbankan Persendirian) yang merupakan Pemegang Kad Debit Hong Leong atau Pemegang Kad Debit Mach;
- (ii) yang juga merupakan Pemegang Akaun Utama Akaun Semasa dan Akaun Simpanan berikut (“Akaun Sertaaan”):-
 - (a) Akaun Simpanan Asas Hong Leong;
 - (b) Akaun Simpanan Hong Leong;
 - (c) Akaun Semasa Asas Hong Leong;
 - (d) Akaun Semasa Hong Leong;
 - (e) Akaun “Pay&Save” Hong Leong;
 - (f) Akaun “One” Hong Leong;
 - (g) Akaun “SmartLink” Hong Leong;
 - (h) Akaun Simpanan “Senior Savers” Hong Leong; dan
 - (i) Akaun “Harvest” Hong Leong.
- (iii) yang telah menerima Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) dan Mel Terus Elektronik (“EDM”) daripada HLB untuk menyertai Promosi ini. Seramai lima ratus (500) Pelanggan Layak akan dipilih oleh HLB bagi tujuan ini.

Pada dasarnya Pelanggan Layak bertanggungjawab dan/atau berkewajipan memastikan nombor telefon bimbit dan/atau alamat emel mereka yang berdaftar dengan HLB adalah betul dan kemas kini supaya dapat menerima SMS dan EDM, dan HLB tidak akan bertanggungjawab/dipertanggungjawabkan jika SMS dan EDM tidak diterima oleh Pelanggan Layak atas apa jua sebab sekalipun.

Pelanggan yang tidak menerima SMS dan EDM dianggap tidak layak menyertai Promosi ini dan HLB tidak akan melayani sebarang pertikaian mengenai ketidakterimaan SMS dan EDM oleh pelanggan.

Bagi mengelakkan keraguan, semua Akaun Sertaaan yang dinyatakan dalam Fasal 1 di atas dan Akaun Pembelian Runcit Kad Debit (“RPA”) adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).

2. Promosi ini **TIDAK** terbuka kepada pelanggan Akaun Semasa dan/atau Simpanan-i dan Kad Debit-i Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) (686191-W).
3. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan/atau HLISB atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada HLB atau HLISB atau institusi kewangan lain atau oleh mana-mana pihak ketiga (ke-3)) atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.

KAEDAH PROMOSI

4. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak mestilah memenuhi kriteria berikut semasa Tempoh Promosi untuk layak mendapat pulangan tunai bersamaan (“Pulangan Tunai”) seperti dinyatakan dalam Fasal 4(b) di dalam ini.

- (a) Melakukan minimum **enam (6)** transaksi Kad Debit (sepertimana ditakrifkan dalam Fasal 5 hingga 7 di bawah) tidak kira berapa jumlahnya menggunakan Kad Debit Hong Leong mereka; DAN
- (b) Mengekalkan / Mencapai Deposit Tambahan Bulanan (sepertimana ditakrifkan dalam Fasal 8 hingga 11 di bawah) dengan amaun berikut seperti dalam jadual di bawah:-

Deposit Tambahan Bulanan	Pulangan Tunai
RM2,000 hingga RM3,999	RM10
RM4,000 ke atas	RM20

[Fasal 4(a) dan (b) secara kolektif disebut "Kriteria Promosi"].

5. Transaksi Kad Debit bermaksud transaksi Kad Debit Hadir dan Kad-Tidak-Hadir termasuk tetapi tidak terhad kepada pembelian runcit di tempat jualan dalam negara dan luar negara (Sentuhan dan/atau Tanpa Sentuhan), pembelian dalam talian, pengebilan automatik dan tambah nilai Touch 'n Go yang berjaya direkodkan dan dicatatkan dalam RPA Pelanggan Layak tetapi **TIDAK TERMASUK** transaksi berikut:
 - (a) Pengeluaran wang dari Mesin Juruwang Automatik ("ATM");
 - (b) Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan/tidak sah, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang;
 - (c) Pembayaran Fi Pengeluaran/Fi Tahunan/Fi Pembaharuan Kad Debit; dan
 - (d) Apa-apa bentuk lain perkhidmatan atau fi pelbagai (termasuk Caj Penalti) yang dikenakan oleh HLB.
6. Transaksi Kad Debit yang dibuat dalam mata wang asing akan ditukar dan dikira dalam Ringgit Malaysia (RM) berpandukan kadar penukaran yang ditentukan oleh HLB pada masa transaksi.
7. Pelanggan Layak hanya boleh menyertai Promosi ini dengan satu (1) Kad Debit Hong Leong.
8. Deposit Tambahan Bulanan ditakrifkan sebagai Baki Purata Harian ("DAB") Akaun Sertaan sepanjang Tempoh Promosi ditolak baki penutup pada 31^{hb} Ogos 2017.

***DAB = Hasil tambah baki penutup harian sepanjang Tempoh Promosi
Bilangan hari sepanjang Tempoh Promosi iaitu tiga puluh (30) hari***

Deposit Tambahan Bulanan = DAB – Baki Penutup pada 31^{hb} Ogos 2017

9. Bagi tujuan Promosi ini, semua deposit mestilah Dana Baharu. Bagi mengelakkan keraguan, Dana Baharu adalah:
 - (a) Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain; dan/atau
 - (b) Hasil penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon dan/atau Hong Leong "Invest Safe" yang didepositkan semula ke dalam mana-mana Akaun Sertaan.
10. "Dana Baharu" **BUKANLAH**:
 - (a) Deposit Tetap ("FD"), Deposit Bertempoh-i ("TD-i"), Akaun Pelaburan Am ("GIA") yang matang atau pengeluaran pramatang FD, TD-i atau GIA; dan/atau
 - (b) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
11. Bagi Pelanggan Layak yang mempunyai berbilang Akaun Sertaan, DAB mereka dalam setiap Akaun Sertaan akan dikumpulkan untuk mengira jumlah Deposit Tambahan Bulanan bagi menentukan Pulangan Tunai.
12. HLB akan menjejaki kelayakan Pelanggan Layak secara automatik pada penghujung Tempoh Promosi berdasarkan Kriteria Promosi yang dipenuhi. Pendaftaran penyertaan tidak perlu.
13. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan menghantar dan/atau memaparkan dalam RPA Pelanggan Layak mengenai transaksi deposit berkenaan yang mungkin menyebabkan Pelanggan Layak tertinggal daripada menerima atau tidak layak mendapat Pulangan Tunai bagi Promosi ini.
14. Pembayaran Jumlah Pulangan Tunai dihadkan setakat **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu sahaja (RM10,000)** di bawah Promosi ini dan dihadkan kepada **lima ratus (500)** Pelanggan Layak sepanjang Tempoh Promosi. Setiap Pelanggan Layak berhak mendapat Pulangan Tunai minimum **Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10)** sahaja atau maksimum Pulangan Tunai **Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20)** sahaja, mengikut mana yang berkenaan, setelah memenuhi Kriteria Promosi, tanpa mengira bilangan Kad Debit dan/atau Akaun Sertaan yang dimilikinya dengan HLB.

15. Kad Debit Hong Leong berserta dengan RPA Pelanggan Layak dan Akaun Sertain mestilah kekal dibuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum **Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200)** dari **1^{hb} September 2017** hingga **31^{hb} Disember 2017** bagi tujuan mengkreditkan Pulangan Tunai, jika tidak, Pelanggan Layak akan terlucaut kelayakan daripada menerima Pulangan Tunai dan Pulangan Tunai itu akan dilupuskan.
16. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam RPA Pelanggan Layak selewat-lewatnya **31^{hb} Disember 2017**. Namun begitu, HLB tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan mengkreditkan Pulangan Tunai tersebut.
17. Pelanggan Layak akan diberitahu oleh HLB sebaik sahaja Pulangan Tunai berjaya dikreditkan sama ada secara bertulis, melalui panggilan telefon, melalui SMS, dengan cara menyiarkan nama dan nombor Kad Debit Hong Leong Pelanggan Layak (dalam bentuk terlindung) dalam Laman Web HLB di www.hlb.com.my ("Laman Web HLB") atau apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh HLB selewat-lewatnya **31^{hb} Disember 2017**.
18. Pelanggan Layak yang tidak menerima pemberitahuan tersebut daripada HLB pada atau sebelum **31^{hb} Disember 2017** dianggap **TIDAK** berhak mendapat Pulangan Tunai.
19. Pelanggan Layak adalah bertanggungjawab memberitahu HLB secara bertulis selewat-lewatnya **31^{hb} Januari 2018** jika tidak menerima Pulangan Tunai, kegagalan berbuat demikian, mereka akan dianggap telah menerima Pulangan Tunai daripada HLB.
20. Pelanggan Layak dengan ini memberi keizinan mereka dan membenarkan HLB untuk mendedahkan nama, nombor dan alamat emel mereka kepada vendor yang dilantik untuk tujuan Promosi ini.
21. Perkhidmatan SMS dan EDM bagi Promosi ini masing-masing disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) ("M3Tech") dan DCatalyst Sendirian Berhad (819292-U) ("DCatalyst"); vendor SMS dan EDM yang dilantik secara rasmi oleh HLB.
22. Pelanggan Layak juga dengan ini memberi keizinan mereka dan membenarkan HLB untuk mendedahkan nama, nombor Kad Debit Hong Leong (dalam bentuk terlindung) atau foto mereka dalam bahan media, pemasaran atau pengiklanan bagi tujuan Promosi ini.

UMUM

23. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak:
 - (i) Telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S Promosi;
 - (ii) Bersetuju bahawa T&S di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Hong Leong mengenai Akaun Sertain dan Terma dan Syarat Kad Debit Hong Leong yang mengawal transaksi RPA dan Kad Debit, atau mana-mana terma dan syarat berkenaan yang mungkin dikenakan oleh HLB dari semasa ke semasa, hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan T&S tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan jika terdapat sebarang percanggahan;
 - (iii) Bersetuju bahawa Pulangan Tunai tidak boleh ditukar milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barangan;
 - (iv) Bersetuju bahawa keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan Layak dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayani; dan
 - (v) Bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S.
24. HLB mempunyai hak untuk:
 - (i) Menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, termasuk tetapi tidak terhad kepada menggantikan Pulangan Tunai dengan tawaran atau produk lain yang sama nilainya atas budi bicara mutlaknyanya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh HLB;
 - (ii) Melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap sesuai oleh HLB atas budi bicara mutlaknyanya daripada menyertai Promosi ini dan/atau berhak mendapat Pulangan Tunai; dan
 - (iii) Melupuskan Pulangan Tunai jika Pelanggan Layak tidak mematuhi T&S di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Hong Leong mengenai Akaun Sertain dan Terma dan Syarat Kad Debit Hong Leong.
25. Pelanggan Layak dipertanggungjawabkan dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.

26. T&S di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
27. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.